

📅 Selasa, Jan 23 2018

## Ekonomi diunjur terus mengukuh

**Ekonomi** Malaysia dijangka terus mengukuh antara Mac hingga Mei 2018 memandangkan Indeks Pelopor (IP) dan Indeks Serentak (IS) meningkat pada November 2017, kata Jabatan Perangkaan.

IP yang memantau prestasi ekonomi ke hadapan mencatatkan pertumbuhan sebanyak satu peratus kepada 121.3 mata pada November 2017 daripada

120.1 mata pada Oktober 2017, kata jabatan itu dalam satu kenyataan.

Menurut jabatan itu, peningkatan berkenaan didorong bilangan unit kediaman diluluskan (0.5 peratus), jangkaan nilai jualan di sektor pembinaan (0.4 peratus), import bahan logam asas berharga dan logam bukan ferus lain (0.1 peratus) dan bilangan syarikat baharu didaf-

tarkan (0.1 peratus).

Perubahan tahunan IP meningkat kepada 4.5 peratus berbanding 3.2 peratus pada bulan lalu.

### Aktiviti ekonomi semasa

Sementara itu, IS yang mengukur aktiviti ekonomi semasa, meningkat 0.5 peratus pada November 2017, berikutan peningkatan dalam Indeks Pengelua-

ran Perindustrian (0.3 peratus) dan Indeks Kuantiti Perdagangan Runcit (0.2 peratus).

Perubahan tahunan IS meningkat kepada 3.6 peratus pada bulan rujukan berbanding daripada 3.5 peratus pada bulan sebelumnya.

“Pada masa sama, kedua-dua Indeks Difus kekal di atas paras 50 peratus,” kata Jabatan Perangkaan.

**BERNAMA**

UTUSAN 22/1